

# Qalam

---

---

135, Rabī' al-Akhīr 1381, Oktober 1961, 60 Sen

---

---

## Masjid dan Wang Loteri

Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, di dalam siarannya, mengharamkan dan menegah orang-orang Islam sembahyang di masjid-masjid yang dibina dengan wang daripada hasil loteri masyarakat. Demikian juga mereka mengharamkan menggunakan tempat-tempat belajar yang dibina daripada wang loteri masyarakat.

Loteri masyarakat itu, menurut fatwa ulama-ulama yang telah berhimpun di Perak dahulu telah menetapkan bahawa wang itu haram digunakan untuk membina masjid dan membina binaan-binaan atau untuk yang bersangkutan dengan agama. Keputusan ini diambil setelah mereka berbahas dan bermuzakarah dengan panjang lebar.

Kita telah pun banyak menulis dan menerbitkan rencana-rencana mengenai masalah ini. Kita sependapat dengan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh alim ulama di Perak itu. Sekalipun ada pendapat-pendapat lain yang mengharuskan wang loteri itu digunakan dengan memberi hujah-hujahnya tetapi hujah-hujahnya itu tidak dapat dinafikan bahawa loteri itu haramnya berjalan terus sebab ia sentiasa diadakan dan dijalankan. Tamsil oleh orang-orang ini adalah barang yang haram yang telah bercampur dengan yang halal telah jadi halal seperti barang curi dan lain-lainnya yang lain daripada keadaan loteri yang berjalan dan sengaja dijalankan terus-menerus hingga hari ini.

Keputusan yang diambil oleh Pejabat Agama Kelantan itu sebenarnya masih lembut dan sudah pada tempatnya. Kita katakan lembut kerana mereka masih membiarkan masjid itu tegak dan masih berdiri yang kelak, apabila sejarah dilupakan orang, maka akan ada pula orang-orang yang bersembahyang di sana.

Sebagaimana yang pernah disebut di dalam majalah ini bahawa membina masjid dengan wang loteri kebajikan itu telah banyak menimbulkan fitnah dan pecah belah di sesuatu tempat, hal ini sangat ditegah oleh agama Islam. Masjid yang seperti ini yang menimbulkan fitnah di atasnya maka adalah ia dihukumkan masjid *dirār*. Masjid *dirār* itu pada zaman Nabi diwajibkan dirobohkan supaya fitnah-fitnah yang tersebut hapus.

Kerana masjid-masjid yang dibina dengan wang loteri itu tetap haramnya dan menimbulkan pula fitnah perpecahan di daerah-daerah yang terdiri masjid itu – memecah belahkan jemaah maka semoleknya pejabat agama yang tegas perdiriannya seperti di Kelantan itu menghukumkan supaya masjid-masjid yang didirikan dengan wang loteri itu hendaklah dihukumkan masjid *dirār* dan kerana itu masjid-masjid yang seumpama itu hendaklah dirobohkan dengan tidak berlengah lagi.

Sekalipun ada kelak perkataan-perkataan yang mengatakan betapa ruginya masjid-masjid yang dibina dirobohkan, tetapi tatkala menjunjung hukum Tuhan maka perkara yang demikian tidak menjadi soal. Janganlah hendaknya pandang-memandang di dalam melaksanakan hukum-hukum Allah – yang haram tetap haramnya – yang halal tetap halalnya – tidak ada dua hukum di dalam satu perkara sekalipun beberapa banyak maslahat-maslahat ada di dalamnya.

\* \* \*

## Satu Pancingan

Encik Jokri bin Parjo anggota tunggal dalam pucuk pimpinan Barisan Sosialis Singapura